



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAWAAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) TAHUN 2022 BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SEPENUH MASA

Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) adalah merupakan program penajaan pengajian bagi **Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP)** dalam **Perkhidmatan Awam Persekutuan** untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama, Diploma, Diploma Kemahiran Malaysia atau Sijil Kemahiran Malaysia secara sepenuh masa atau separuh masa.

Justeru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin mempelawa PKP dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berminat dan berkecenderungan untuk memohon **PPKP bagi pengajian secara SEPENUH MASA** melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my> bermula daripada **18 Februari 2022 sehingga 31 Oktober 2022**. Maklumat lanjut berhubung permohonan ini adalah seperti di **Lampiran A**.

Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **selewat-lewatnya 1 bulan sebelum tarikh memulakan pengajian** sama ada melalui serahan tangan / pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pembangunan Latihan Dalam Perkhidmatan)

Walaupun bagaimanapun, permohonan **PPKP bagi pengajian secara SEPARUH MASA** masih belum dibuka pada masa ini dan maklumat terperinci mengenainya akan dibuat hebahan secara berasingan kelak.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung PPKP ini, pihak penyelaras yang boleh hubungi adalah seperti berikut:

- (i) Penyelaras : Unit Pembangunan Latihan Dalam Perkhidmatan
Program : PPKP (sempurna masa)
Telefon : 03-8885 3468/ 3518/ 3359
E-mel : sp.bmi@jpa.gov.my

- (ii) Penyelaras : Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan
Program : PPKP (separuh masa)
Telefon : 03-8885 3053
E-mel : penawaranldp@jpa.gov.my

**Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam**

18 Februari 2022